

Ashabul Kahfi Dan Realiti Belia Muslim di Malaysia

Ashab al-Kahfi and the Reality of Muslim Youth in Malaysia

Muhammad Azizan Sabjan^{1*}, Kartina Sari Abd Karim²

^{1&2} Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Article progress

Received: 27 January 2026

Accepted: 27 March 2026

Published: 31 May 2026

*Corresponding author:

Muhammad Azizan Sabjan,
Pusat Pengajian Ilmu
Kemanusiaan, Universiti Sains
Malaysia

Email: mazizan@usm.my

Abstrak: Belia merupakan aset yang amat bernilai kepada sesebuah negara kerana mereka menjadi pelapis kepimpinan dan penentu hala tuju masa hadapan. Dalam konteks Malaysia, belia Muslim dilihat memainkan peranan yang lebih menonjol sebagai tonggak utama dalam memastikan kelestarian umat Islam dari sudut akidah, akhlak dan kefahaman beragama. Namun begitu, realiti semasa menunjukkan sebahagian belia Muslim berdepan dengan krisis identiti, kekeliruan nilai serta kelemahan dalam menyusun keutamaan hidup (*fiqh al-awlawiyyat*). Keadaan ini diburukkan lagi dengan usaha dakwah yang terhad dan kurang berkesan dalam mendekati keperluan serta cabaran sebenar golongan belia. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi membandingkan ketauladanan pemuda *Ashabul Kahfi* yang dirakamkan dalam al-Qur'an dengan realiti pembentukan jati diri belia Muslim di Malaysia masa kini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan dengan menganalisis sumber-sumber tafsir, hadis, serta kajian kontemporari berkaitan belia dan dakwah Islam. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif bagi menilai persamaan dan perbezaan dari sudut akidah, keberanian moral, serta komitmen terhadap nilai kebenaran. Dapatan kajian menunjukkan wujud jurang yang ketara antara kredibiliti *Ashabul Kahfi* sebagai model belia beriman dengan realiti pembawakan diri sebahagian belia Muslim hari ini. Oleh itu, pembangunan identiti generasi muda Islam yang berteraskan nilai-nilai *Ashabul Kahfi* dilihat amat realistik dan relevan, sama ada dalam memperkukuh jati diri Muslim mahupun sebagai asas dakwah berkesan dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Kata kunci: *Ashabul Kahfi*; belia Muslim; dakwah; majmuk

Abstract: Youth are a vital asset to any nation because they represent future leadership and continuity. In the Malaysian context, Muslim youth play an especially important role as the backbone in ensuring the sustainability of the Muslim community in terms of faith, morality, and religious awareness. However, modern realities show that many Muslim youths face challenges related to identity confusion, moral disorientation, and difficulties in prioritizing life goals (*fiqh al-awlawiyyat*). These issues are worsened by limited, ineffective da'wah efforts that do not address the real needs and complexities faced by the younger generation. Therefore, this study aims to compare the exemplary model of the youths of *Ashabul Kahfi*, as described in the Qur'an, with the current realities of Muslim youth in Malaysia. This research employs a qualitative approach grounded in library-based methods, analyzing classical Qur'anic exegesis, Prophetic traditions, and contemporary scholarly works on youth development and Islamic da'wah. The collected data are analyzed descriptively to identify similarities and differences in faith commitment, moral courage, and adherence to truth. The findings highlight a significant gap between the credibility and spiritual strength of *Ashabul Kahfi* as an ideal youth model and the actions of many Muslim youths today. As a result, developing a Muslim youth identity rooted in the values embodied by *Ashabul Kahfi* is both practical and highly relevant—strengthening Islamic self-identity and improving effective da'wah within Malaysia's multicultural society.

Keywords: *Ashabul Kahfi*; Muslim youth; dakwah; plural society

Pengenalan

Belia merupakan aset strategik yang bernilai tinggi untuk sesebuah negara. Generasi muda menjadi harapan nusa dan bangsa dalam menyokong hasrat kerajaan untuk mencapai kemajuan yang mampan (Nur Syuhada Mokhzan et. al, 2025). Selain menjadi tenaga kerja terlatih yang menggerakkan pertumbuhan ekonomi, belia turut berperanan penting sebagai modal insan berkualiti untuk masa depan. Anak muda mampu merealisasikan pelbagai perubahan positif dalam masyarakat apabila mereka berperanan sebagai suara rakyat dan pemacu transformasi sosial sejagat. Tanggungjawab golongan belia terhadap tanah air, yang berteraskan semangat patriotisme, mampu mempertahankan keamanan dan kestabilan nasional, yang akhirnya menjadi asas kepada hala tuju kemajuan negara secara lebih menyeluruh dan seimbang. Namun demikian, realiti semasa menunjukkan bahawa sebahagian belia Muslim berhadapan dengan cabaran pembentukan jati diri, kekeliruan nilai serta kelemahan dalam memahami keutamaan hidup menurut perspektif Islam. Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai sejauh mana model teladan dalam tradisi Islam, khususnya kisah *Ashabul Kahfi*, dapat dijadikan rujukan dalam membentuk identiti belia Muslim masa kini. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti dan membandingkan nilai-nilai yang terkandung dalam kisah *Ashabul Kahfi* dengan realiti pembentukan jati diri belia Muslim di Malaysia.

Dari sudut pandang Islam, belia Muslim menjadi teras utama dalam menjamin kelangsungan umat, kerana mereka bukan sahaja perlu berkemahiran, kompeten dan profesional, tetapi juga mesti memiliki keunggulan sahsiah dan ketinggian akhlak. Justeru, anak muda Muslim dituntut untuk menyelaraskan aspek kehidupan duniawi dengan ukhrawi berpandukan nilai dan prinsip-prinsip agama. Islam tidak menolak usaha umatnya untuk kompetitif dan kekal relevan dalam dunia moden tetapi perlu diseimbangkan dengan keperluan spiritual dan rohani secara konsisten. Allah SWT berfirman,

Terjemahan: “Dan carilah pahala dan kebahagiaan hari akhirat dengan harta kekayaan yang telah dianugerahkan Allah kepadamu, tetapi jangan kamu lupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) di dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah ruah). Janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berbuat kerosakan.” (Al-Qasas 28: 77)

Keseluruhan kewajipan yang digabungkan secara adil ini sebenarnya berpaksikan konsep *wasatiyyah*, yang berkait rapat dengan penghayatan *ad-din* seseorang (Muhamad Faisal Ashaari et. al, 2018). Oleh itu, generasi belia Muslim perlu berusaha sedaya upaya untuk mengatur dan membangunkan urusan dunia mereka agar selari dengan bekalan amal menuju akhirat.

Dalam rangka membentuk keperibadian belia Muslim yang dihormati, mereka perlu mengikuti manhaj Islam secara total. Penataan sumber manusia menurut sudut pandang Islam hendaklah berlandaskan al-Quran dan Hadith agar umat Islam dapat diperkasakan dengan pelbagai kemahiran yang diperlukan pada era ini. Oleh itu, pembentukan kepimpinan muda Islam yang ideal amat wajar dimulai dengan meneladani akhlak figura agung yang diiktiraf sendiri oleh Allah SWT. Firman Allah SWT,

Terjemahan: “Kami ceritakan kisah mereka kepadamu (wahai Muhammad) dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka itu ialah pemuda-pemuda yang beriman dengan Tuhan mereka dan Kami tambahkan kepada mereka hidayah petunjuk” (Al-Kahfi 18: 13)

Menurut ayat di atas, Allah menjelaskan kedudukan kisah *Ashabul Kahfi*, *iaitu* mereka terdiri daripada anak-anak muda yang beriman. Mereka berkehendak akan kebenaran sehingga Allah SWT menganugerahkan petunjuk serta ketakwaan kepada mereka, berbeza dengan generasi tua yang memilih untuk kekal dalam ajaran nenek moyang mereka (Ibnu Katsir, 1420H).

Menurut Rahmansyah et. al (2019), kisah *Ashabul Kahfi* dalam al-Quran adalah relevan sebagai panduan pendidikan Islam dalam masyarakat moden masa kini. Melihat senario umat Islam di Malaysia yang berdepan dengan pelbagai masalah sahsiah yang kian meruncing, belia Muslim perlu tampil ke hadapan sebagai sebahagian daripada solusinya. Untuk menyelesaikan kemelut ini, penerapan dan pengukuhan akidah sebagai dasar utama pembentukan keperibadian soleh wajib diterapkan dalam merealisasikan transformasi akhlak secara menyeluruh. Nilai-nilai pendidikan Islam dalam

kisah *Ashabul Kahfi* berpotensi meningkatkan tahap ketakwaan kepada Allah SWT serta memperkasakan budi pekerti insan apabila al-Quran dan Hadith dijadikan pedoman. Apabila intipati ajaran Islam benar-benar tertegak dalam diri seorang Muslim, maka pelaksanaan hukum syariat akan terserlah dalam segenap lapangan kehidupan melalui jalan dakwah dan tarbiah.

Kajian oleh Nor Adina Abdul Kadir et. al (2025) mendapati bahawa arus globalisasi di Malaysia mengancam identiti belia Muslim secara implisit. Perkembangan dunia tanpa sempadan sepatutnya diimbangi dengan elemen pembentukan identiti belia Muslim tanpa menolak manfaat globalisasi. Sebelum itu, kajian Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor dan Norazlina Abd Wahab (2015) mengenai pembangunan belia dari aspek pengurusan Islam menegaskan bahawa golongan muda bukan sahaja bakal mewarisi kepimpinan negara, malah turut berperanan menentukan kemajuan agama Islam pada masa hadapan. Pemupukan dan pengawasan terhadap aspek spiritual, fizikal, intelek dan emosi mesti diajarkan secara tuntas dengan nilai-nilai Islam bagi membentuk generasi belia Muslim yang berwibawa dan boleh dibanggakan.

Sementara itu, suatu kajian terhadap elemen fizikal dan spiritual kisah *Ashabul Kahfi* telah dilakukan oleh Muhamad Khairul Anuar Zulkepli dan Mohd Zulkhairi Abd Hamid (2022). Kajian terhadap teks al-Quran dalam Surah al-Kahfi ayat 14, misalnya memperlihatkan keteguhan hati para pemuda *Ashabul Kahfi* apabila mereka bangun dan menyatakan kebenaran tauhid. Situasi ini membuktikan bahawa keimanan yang kukuh dalam diri mampu mendorong kekuatan luaran yang dizahirkan melalui empat nilai yang membentuk hakikat kehidupan insan. Empat nilai ini ialah nilai keimanan kepada Allah SWT, nilai ketakwaan, nilai keteguhan dan nilai kesabaran.

Sorotan Literatur

Beberapa kajian terdahulu telah membincangkan kisah *Ashabul Kahfi* daripada pelbagai perspektif keilmuan. Antaranya, kajian oleh Muhamad Khairul Anuar Zulkepli dan Mohd Zulkhairi Abd Hamid (2022) meneliti elemen fizikal dan spiritual dalam kisah *Ashabul Kahfi* melalui analisis terhadap teks al-Quran, khususnya berkaitan keteguhan iman para pemuda tersebut dalam mempertahankan akidah tauhid (Ismail et al., 2024).

Selain itu, beberapa penyelidikan turut mengkaji isu pembangunan identiti belia Muslim dalam konteks masyarakat moden. Kajian oleh Nor Adina Abdul Kadir et al. (2025) misalnya meneliti cabaran globalisasi terhadap pembentukan jati diri belia Muslim di Malaysia, manakala Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor dan Norazlina Abd Wahab (2015) menekankan kepentingan pembangunan belia dari perspektif pengurusan Islam bagi memastikan kelangsungan kepimpinan umat pada masa hadapan. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa isu pembentukan identiti dan sahsiah belia Muslim merupakan suatu perbahasan yang signifikan dalam konteks masyarakat Islam kontemporari.

Namun demikian, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada analisis kisah *Ashabul Kahfi* dari sudut retorika bahasa Arab, nilai pendidikan Islam serta budaya secara umum. Penyelidikan yang menghubungkan secara langsung kisah *Ashabul Kahfi* dengan realiti belia Muslim masa kini, khususnya dalam konteks Malaysia, masih terhad. Tambahan pula, kajian berbentuk perbandingan yang menilai keteladanan pemuda *Ashabul Kahfi* sebagai model pembentukan jati diri belia Muslim serta peranan mereka dalam dakwah masyarakat majmuk jarang diketengahkan.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan tersebut dengan meneliti hubungan antara nilai-nilai yang terkandung dalam kisah *Ashabul Kahfi* dengan realiti pembentukan identiti belia Muslim di Malaysia. Pendekatan ini diharapkan dapat memperkaya perbahasan dalam bidang dakwah dan pembangunan belia Muslim serta menyumbang kepada pembinaan model jati diri generasi muda Islam yang lebih berteraskan nilai-nilai al-Quran.

Tuntasnya, kebanyakan kajian lalu hanya membincangkan mengenai kisah *Ashabul Kahfi* dari sudut retorika Bahasa Arab, nilai-nilai pendidikan Islam serta budaya secara umum. Namun, penyelidikan secara perbandingan antara pemuda *Ashabul Kahfi* dengan realiti belia Muslim kini amat jarang dibahaskan sama ada dari perspektif pembentukan perwatakan generasi muda Islam mahupun dari aspek pembawakan mereka sebagai pendakwah. Lantaran itu, kajian yang menghubungkan *Ashabul Kahfi* dengan belia Muslim di Malaysia mutakhir ini adalah tepat kerana masih belum ada kajian seumpamanya dibuat sebelum ini. Perjuangan para pemuda al-Kahfi amat wajar diketengahkan sebagai indikator bagi prestasi cemerlang barisan kepimpinan muda Islam. Legasi dakwah *Ashabul Kahfi* dalam penjenamaan semula belia Muslim di negara kita berpotensi mengisi kelompongan kajian semasa serta dapat diketengahkan dalam kajian dakwah kontemporari masyarakat majmuk.

Metodologi

Kajian ini menggunakan metode kualitatif. Pendekatan kualitatif merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk meneliti dan memahami makna kehidupan manusia serta peranannya dalam konteks dunia sebenar (Robert K. Yin, 2016). Oleh sebab kajian ini berkaitan dengan *Ashabul Kahfi* dan belia Muslim, maka kaedah ini lebih memberatkan maklumat dan pemerhatian yang bukan numerikal. Kajian ini turut menjelaskan sifat dan kedudukan manusia melalui pandangan umum terhadap pelbagai bentuk perilaku dan interaksi sosial. Dengan itu, kajian kualitatif mempertimbangkan secara langsung keadaan dunia semasa, sekaligus memfasilitasi peningkatan kualiti kehidupan sosial dari segi pemikiran dan tindakan.

Pengkaji memperoleh dan menghimpunkan semua data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini melalui kajian kepustakaan. Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan ialah kaedah untuk mendapatkan data dan bukti melalui penelitian dokumen dan rekod sedia ada. Rujukan dalam bentuk buku, tesis, jurnal, artikel dan laman web yang relevan dikumpulkan melalui metode dokumentasi bagi memberikan gambaran kajian secara teoritikal. Untuk memahami realiti belia Muslim di Malaysia, setiap maklumat daripada sumber primer dan sekunder dimanfaatkan sepenuhnya.

Proses pengumpulan data yang dijalankan seterusnya dilanjutkan dengan proses penganalisan data secara deskriptif. Menurut Schatzman dan Strauss (1973), analisis data kualitatif pada dasarnya melibatkan proses pengelasan terhadap sesuatu fenomena, individu, peristiwa serta ciri-ciri yang berkaitan dengannya bagi menghasilkan kefahaman yang lebih sistematik. Dalam kajian ini, data diperoleh melalui penelitian terhadap sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan kisah *Ashabul Kahfi* serta isu pembentukan identiti belia Muslim. Sumber primer merujuk kepada teks al-Quran dan karya tafsir muktabar, manakala sumber sekunder merangkumi buku akademik, artikel jurnal, tesis dan penulisan ilmiah yang berkaitan dengan pembangunan belia Muslim dan dakwah Islam.

Pemilihan sumber dilakukan secara bertujuan (*purposive sampling*) dengan mengambil kira kesesuaian kandungan dengan fokus kajian. Antara kriteria inklusi yang digunakan ialah sumber yang membincangkan kisah *Ashabul Kahfi*, konsep pembentukan jati diri belia Muslim serta perbincangan mengenai dakwah dalam masyarakat kontemporari. Sebaliknya, sumber yang tidak berkaitan secara langsung dengan tema kajian atau tidak mempunyai nilai akademik yang kukuh tidak dimasukkan dalam analisis.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan secara kualitatif. Melalui pendekatan ini, maklumat yang dikumpulkan dikategorikan kepada beberapa tema utama seperti aspek keimanan, keteguhan prinsip, keutamaan syarak (*fiqh al-awlawiyyat*) serta peranan dakwah dalam kalangan generasi muda. Seterusnya, dapatan tersebut dianalisis secara induktif dan deduktif bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara nilai-nilai yang ditonjolkan oleh pemuda *Ashabul Kahfi* dengan realiti pembentukan identiti belia Muslim di Malaysia masa kini.

Bagi memastikan kesahan dapatan kajian, penyelidik menggunakan kaedah triangulasi sumber dengan merujuk kepada pelbagai karya tafsir, penulisan ilmiah dan kajian kontemporari berkaitan pembangunan belia Muslim. Pendekatan ini bertujuan meningkatkan kebolehpercayaan analisis di samping memastikan tafsiran yang dibuat adalah konsisten dengan sumber-sumber ilmiah yang diiktiraf.

Keputusan & Perbincangan

1. Kisah *Ashabul Kahfi*

Ashabul Kahfi merujuk kepada sekumpulan penghuni gua yang hidup pada zaman sebelum munculnya agama Nasrani, dan kisah mereka dinukilkan secara eksklusif dalam Surah al-Kahfi ayat 9 hingga 26 (Abdullah, 2003). Mereka terdiri daripada segolongan kecil pemuda di negeri Afsus atau Torsus yang berusaha menyelamatkan diri daripada kezaliman Raja Diqyanus, seorang pemerintah yang memaksa rakyatnya menyembah berhala serta haiwan-haiwan dikorbankan dalam ritual keagamaan yang menyesatkan. Individu yang enggan mematuhi ajaran nenek moyang dan berpaling daripada kepercayaan tersebut akan dikenakan hukuman yang berat seperti diseksa dan dibunuh. Ternyata, ancaman tersebut tidak sedikit pun menggugat keteguhan pendirian para pemuda yang beriman itu. Sebaliknya, pengorbanan mereka dalam mempertahankan akidah tauhid telah dimasyhurkan dalam al-Quran sebagai salah satu tanda kebesaran Allah SWT yang sarat dengan pengajaran dan teladan untuk seluruh umat manusia.

Tujuh orang pemuda beriman itu telah meninggalkan kampung halaman mereka berikutan pegangan tauhid yang berlawanan dengan kepercayaan masyarakat setempat. Tindakan tersebut diambil bagi memelihara keimanan serta menghindari kezaliman dan penganiayaan yang berkemungkinan memaksa mereka meninggalkan akidah Islam (Hamka, 1983). Sehubungan itu, mereka memilih untuk menyisihkan diri ke suatu tempat yang jauh, sebelum akhirnya berlindung di sebuah gua yang dikenali sebagai *al-Kahfi*. Pengharapan mereka yang tinggi kepada Yang Maha Esa dapat diperhatikan dalam ayat berikut,

Terjemahan: “(Ingatlah peristiwa) tatkala sekumpulan pemuda berlindung di dalam gua, lalu mereka berdoa, “Wahai Tuhan kami, berikanlah rahmat kepada kami dari sisi-Mu dan sempurnakanlah bagi kami hidayah petunjuk yang lurus dalam urusan kami (ini)!” (Al-Kahfi 18: 10)

Demikianlah keadaan para pemuda tersebut yang sentiasa mengingati Allah SWT serta memohon rahmat dan petunjuk-Nya dalam segenap urusan. Dengan izin Allah SWT jua, mereka tertidur di dalam gua tersebut selama 309 tahun. Allah SWT menutup pendengaran mereka sepanjang tempoh itu sehingga mereka tidak menyedari keadaan sekeliling, di samping keberadaan mereka juga tidak diketahui oleh sesiapa pun.

Telah menjadi suatu kelaziman dalam perjuangan Rasulullah SAW juga bahawa golongan muda lebih cenderung menerima dan berpegang kepada ajaran tauhid, manakala golongan yang lebih berusia terus tegar dalam keingkaran dan kejahatan. Allah SWT berfirman,

Terjemahan: “Dan Kami telah meneguhkan hati mereka (dengan kesabaran dan keberanian) di waktu mereka berdiri (menegaskan tauhid), lalu mereka berkata, “Tuhan kami ialah Tuhan langit dan bumi, kami tidak sekali-kali menyeru Tuhan selain Dia. Sesungguhnya kalau kami berbuat demikian, tentu kami telah mengucapkan perkataan yang sangat jauh daripada kebenaran.” (Al-Kahfi 18:14)

Allah SWT menjelaskan dalam ayat di atas bahawa *Ashabul Kahfi* merupakan golongan anak-anak muda yang lebih bersifat terbuka dalam menerima kebenaran serta memiliki jalan hidup yang lebih lurus berbanding generasi yang lebih tua. Justeru, mereka telah dikurniakan petunjuk dan bimbingan ketakwaan oleh Allah SWT sehingga membawa kepada pembentukan keimanan dalam diri mereka (Ibn Kathir, 2003). Allah SWT meneguhkan hati mereka agar tetap berpendirian teguh dalam mempertahankan akidah tauhid serta mengimani keesaan-Nya. Mereka turut dilimpahkan kesabaran bagi menghadapi implikasi daripada keputusan nekad meninggalkan kampung halaman serta kehidupan yang selesa demi mempertahankan agama.

2. Realiti Belia Muslim di Malaysia

Secara umumnya, pembelajaran formal di institusi-institusi pendidikan di Malaysia adalah bertujuan untuk menyediakan pendidikan asas yang berkualiti kepada setiap individu (Shahril, 2024). Namun, pendidikan asas sahaja tidak memadai untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman hidup apatah lagi untuk membentuk keperibadian soleh dalam kalangan belia Muslim. Konsep pembelajaran sepanjang hayat masih belum berjaya dibudayakan sepenuhnya kerana bukan semua orang mempunyai inisiatif sendiri ke arah pemerolehan pengetahuan secara berterusan. Pemindahan ilmu dan kepakaran yang relevan serta bermanfaat untuk kehidupan kerjaya dan pembangunan masyarakat hanya dapat dikecapi melalui kesinambungan pembelajaran ketika hayat (Che Wan Ida, 2023). Malangnya, masih ramai anak muda Islam di luar sana yang tidak lagi mengutamakan usaha menuntut ilmu, terutamanya selepas tamat pengajian, kerana sibuk dengan kerjaya dan komitmen terhadap keluarga.

Selain itu, majoriti umat Islam masih kekurangan pedoman untuk menyusun serta memahami keutamaan dalam hidup (*fiqh al-Awlawiyyat*). *Fiqh al-Awlawiyyat* memainkan peranan yang sangat penting sebagai asas pelaksanaan syariat Islam. Umat Islam seharusnya bijak merancang segala tindak-tanduk berdasarkan tertib kepentingan menurut syarak namun realitinya tidak ramai yang mempunyai kesedaran untuk memperbaharui amalan serta meningkatkan ketakwaan. Ibadah yang dikerjakan hanya sekadar ikut-ikutan tanpa didahulukan usaha untuk menuntut ilmu dan memahami syariat kefardhuan tersebut. Kesannya, semua perintah agama tidak berjaya ditunaikan mengikut aturan dan

keutamaan yang tepat dan sekaligus mempengaruhi keseimbangan antara kesejahteraan hidup di dunia dengan tuntutan hidup bersyariat sebagai bekal menuju akhirat.

Majoriti umat Islam pada hari ini pula semakin jauh daripada melaksanakan tuntutan dakwah baik secara perseorangan, berkumpulan mahupun melalui organisasi. Adapun dakwah yang sedia ada kebanyakannya beredar dalam kalangan masyarakat Muslim sahaja. Walaupun tidak dinafikan kepentingan untuk berdakwah sesama saudara seagama kita namun perlu diingatkan juga bahawa dakwah terhadap penganut agama lain masih perlu diutamakan bagi memperkenalkan agama Islam yang syumul ini kepada mereka. Semoga suatu masa nanti Allah SWT akan mengurniakan taufik dan hidayah agar mereka memeluk agama Islam serta mengamalkan ajaran yang terkandung di dalamnya secara tulus dan ikhlas (Abdul Munir, 2014). Dengan peranan dai yang sebegini maka Islam tidak hanya kekal sekadar ideologi semata-mata (H. Mohammad Hassan, 2013). Malahan Islam dapat diterjemahkan melalui keharmonian kaum yang dicapai dalam multi etnik dan budaya apabila manhaj dakwah Islam sentiasa dihidupkan dalam segenap aspek kehidupan.

3. Belia Muslim di Malaysia dari Perspektif *Ashabul Kahfi*

Pengajaran kisah *Ashabul Kahfi* yang dimaksudkan tidak hanya terhad kepada pembangunan aspek spiritual sahaja malah ia mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia yang selari dengan kesyumulan ajaran Islam itu sendiri. Kepemimpinan dan kewibawaan *Ashabul Kahfi* dapat diteladani untuk pemerkasaan identiti golongan muda yang cemerlang dalam erti kata yang sebenar. Asas pembangunan identiti belia Muslim dari perspektif *Ashabul Kahfi* ialah faktor keilmuan yang amat berkait rapat dengan faktor keimanan. Telah menjadi sunnatullah bahawa kecemerlangan ilmu oleh suatu generasi akan memacu ketamadunan sesebuah bangsa dan negara. Sementara keimanan yang jitu merupakan teras kepada peradaban yang cemerlang apabila belia Muslim yang cuba dibangunkan mempunyai ciri-ciri yang berkualiti dari aspek duniawi dan ukhrawi.

Kisah *Ashabul Kahfi* turut menonjolkan ketokohan mereka sebagai pembela agama disebabkan mereka sentiasa mendahulukan keutamaan syarak berbanding kepentingan diri sendiri terutamanya ketika dalam keadaan darurat. Mereka memilih untuk mengorbankan keselesaan serta habuan dunia demi mengelakkan kemudharatan yang lebih besar terhadap agama. Pengorbanan mereka telah menyingkap suatu sudut pandang yang sebenar mengenai pendekatan yang sewajarnya diambil oleh barisan belia Muslim apabila terjadinya pencerobohan terhadap agama dan akidah. Sesungguhnya para pemuda Islam yang membesar dalam ketaatan kepada Allah SWT seperti ketaatan *Ashabul Kahfi* perlu dijadikan asas pembinaan jati diri belia Muslim di Malaysia sesuai dengan hadith Nabi SAW bahawa antara tujuh golongan yang mendapat naungan Allah pada hari kiamat ialah;

Terjemahan: “Seorang pemuda yang menyibukkan dirinya dengan ibadah kepada Rabb-nya.”
(Riwayat Bukhari, no. Hadith 620; Riwayat Muslim, no. Hadith 1712)

Perbandingan Ciri-ciri Pemuda *Ashabul Kahfi* dan Realiti Belia Muslim di Malaysia

Aspek	Ciri-ciri Pemuda <i>Ashabul Kahfi</i>	Realiti Sebahagian Belia Muslim di Malaysia
Keimanan	Memiliki keimanan yang teguh kepada Allah SWT dan berani mempertahankan akidah tauhid walaupun berdepan ancaman pemerintah	Sebahagian belia Muslim masih berhadapan dengan cabaran pengukuhan akidah akibat pengaruh globalisasi dan kekeliruan nilai
Keutamaan Hidup (<i>Fiqh al-Awlawiyat</i>)	Mendahulukan kepentingan agama berbanding kepentingan duniawi	Terdapat kecenderungan sebahagian belia lebih mengutamakan kepentingan material dan gaya hidup moden
Keberanian Moral	Berani menyatakan kebenaran dan menolak kepercayaan yang bercanggah dengan tauhid	Keberanian moral dalam mempertahankan nilai Islam

		kadangkala terjejas oleh tekanan sosial dan persekitaran
Pengorbanan	Sanggup meninggalkan keselesaan hidup demi mempertahankan agama	Sebahagian belia masih kurang bersedia berkorban untuk kepentingan agama dan dakwah
Peranan Sosial dan Dakwah	Menjadi simbol keteguhan iman dan teladan kepada masyarakat	Peranan dakwah dalam kalangan belia masih memerlukan pengukuhan melalui pendidikan dan kesedaran agama

Sumber: Analisis pengkaji berdasarkan kisah *Ashabul Kahfi* dalam Surah al-Kahfi (9–26) dan kajian berkaitan pembangunan belia Muslim.

Hakikatnya, pembangunan karakter belia Muslim yang sejati hanya akan berjaya direalisasikan apabila mereka turun ke lapangan dan mendekati masyarakat dan golongan sasaran. Penerimaan ke atas perbezaan suku bangsa, multi budaya dan kepelbagaian anutan dan kepercayaan merupakan strategi awal bagi menzahirkan peranan generasi muda Islam pada masa kini secara kolektif (Hamdani et al., 2023). Pengiktirafan terhadap kemajmukan adalah sesuai dengan *sunnatullah* sebagaimana yang terjadi berdasarkan kehendak Allah SWT jua. Kesedaran untuk kembali kepada perjuangan menegakkan agama perlu segera dipulihkan sebelum barah sosial dalam kalangan masyarakat Islam menjadi parah tatkala kerja-kerja dakwah tidak lagi dijadikan misi utama dalam kehidupan. Generasi muda Islam perlu langsung keluar daripada zon selesa dan bersikap proaktif dalam *manhaj* dakwah demi melestarikan kemaslahatan umat pada masa kini dengan bekalan ilmu dan iman.

4. Solusi Belia Muslim di Malaysia

Peranan Institusi Keluarga

Pembentukan keutuhan peribadi dalam kalangan belia Muslim bermula dengan didikan awal dalam institusi keluarga. Ibu bapa bukan sahaja bertanggungjawab menyediakan keperluan asas seperti tempat tinggal dan pendidikan, malah memainkan peranan penting dalam memberikan didikan agama, perhatian serta kasih sayang kepada anak-anak. Menurut Noraziah (2024), ibu bapa perlu mempamerkan *qudwah* hasanah dalam kehidupan seharian agar dapat dicontohi oleh anak-anak. Dalam konteks ini, hubungan yang kukuh dengan Allah SWT melalui pelaksanaan perintah agama serta penghindaran daripada larangan-Nya menjadi asas penting dalam membentuk adab dan ketaatan dalam diri generasi muda.

Selain itu, kemenjadian individu juga berkait rapat dengan kekuatan institusi kekeluargaan sebagai unit sosial yang penting dalam masyarakat. Kemahiran keibubapaan yang baik, seperti penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif, sokongan terhadap autonomi anak-anak serta pemupukan disiplin sendiri, mampu menyumbang kepada kesejahteraan psikologi dan perkembangan sahsiah anak-anak (Reis, Barbera-Stein & Bennett, 1986; Hindman & Morrison, 2012). Justeru, keluarga yang berfungsi secara positif berupaya membentuk generasi belia Muslim yang berakhlak serta berpegang teguh kepada nilai-nilai agama (Ab Razak & Hanin, 2017).

Peranan Institusi Pendidikan

Selain keluarga, institusi pendidikan turut memainkan peranan penting dalam membentuk identiti belia Muslim. Guru-guru, khususnya guru Pendidikan Islam, bukan sekadar menyampaikan ilmu akademik tetapi juga berperanan sebagai *qudwah hasanah* dalam pembentukan sahsiah murid (Ahmad Sukari & Noraziah, 2020). Dalam era globalisasi, guru perlu menjiwai peranan sebagai *muallim* yang mampu membimbing pelajar menghayati nilai-nilai Islam secara praktikal.

Pada masa yang sama, pihak pentadbiran sekolah perlu memastikan sistem pendidikan tidak hanya berorientasikan peperiksaan semata-mata tetapi turut menekankan pembentukan akhlak dan pemikiran berteraskan nilai Islam (Kartina, 2024). Pendekatan seperti aktiviti role play dalam Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) boleh dimanfaatkan sebagai medium untuk memupuk kesedaran dakwah serta meningkatkan empati dan kefahaman pelajar terhadap realiti masyarakat.

Peranan Media dan Komunikasi

Media komunikasi juga mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk pemikiran dan tingkah laku belia Muslim. Walaupun kemajuan teknologi membawa pelbagai manfaat, kandungan media yang tidak terkawal boleh memberi kesan negatif terhadap perkembangan pemikiran dan jiwa masyarakat Islam (Saodah, 2015). Oleh itu, media massa termasuk televisyen, radio dan platform penstriman digital perlu dipantau agar kandungannya selari dengan nilai-nilai Islam.

Di samping itu, program televisyen yang berunsurkan dakwah juga boleh memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran agama dalam masyarakat. Namun, penghasilan program sebegini perlu dipantau secara berterusan agar tidak menyimpang daripada prinsip syariah serta memastikan kandungan yang disampaikan benar-benar memberi manfaat kepada masyarakat (Md Rozalafri et al., 2015). Dengan pendekatan yang lebih bertanggungjawab, media berpotensi menjadi medium penting dalam memperkukuh identiti dan kesedaran dakwah dalam kalangan belia Muslim.

Kesimpulan

Isu dan persoalan berkaitan identiti belia Muslim yang diketengahkan dalam kajian ini merupakan aspek kritikal yang memerlukan tumpuan dan penekanan segera. Penyelidikan ini memperjelaskan asas pembinaan jati diri generasi muda Islam berdasarkan keteladanan dan kepemimpinan pemuda *Ashabul Kahfi* sebagai model pembentukan identiti belia Muslim. Dari sudut sumbangan teori, kajian ini memperkaya perbincangan dalam bidang dakwah dan pembangunan belia Islam dengan mengemukakan hubungan antara nilai-nilai yang terkandung dalam kisah *Ashabul Kahfi* dengan realiti pembentukan jati diri belia Muslim dalam konteks masyarakat kontemporari di Malaysia.

Dari sudut sumbangan praktikal, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa nilai-nilai seperti keteguhan akidah, keberanian moral serta keutamaan terhadap kebenaran yang ditonjolkan oleh pemuda *Ashabul Kahfi* boleh dijadikan panduan dalam usaha membentuk sahsiah belia Muslim yang lebih berintegriti dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran semasa. Nilai-nilai tersebut boleh diterapkan melalui peranan institusi keluarga, pendidikan dan media dalam memperkukuh pembinaan identiti generasi muda Islam.

Selain itu, kajian ini turut memberikan implikasi terhadap dasar dan pendidikan, khususnya dalam usaha merangka pendekatan pembangunan belia yang lebih berteraskan nilai-nilai Islam. Institusi pendidikan, badan dakwah serta pihak pembuat dasar boleh memanfaatkan kerangka nilai yang diketengahkan dalam kajian ini bagi memperkasa program pembangunan sahsiah dan kepimpinan belia Muslim dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada usaha membangunkan identiti belia Muslim yang selari dengan ibrah kisah *Ashabul Kahfi* di samping menegaskan kepentingan penghayatan nilai-nilai Islam dalam membentuk generasi muda yang berakhlak, berprinsip dan berperanan aktif dalam dakwah serta pembangunan masyarakat.

Rujukan

- Al-Quranul Karim. (2022). Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran (A. M. Basmeih, Penterj.; M. N. Ibrahim, Ed.). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ab Razak, M. R., & Hanin, S. (2017). Faktor zina dan kesannya dalam kehidupan remaja. *Sains Insani*, 2(2), 1–10.
- Abd Karim, K. S. (2024). Pemikiran dan perjuangan Ebit Irawan bin Ibrahim Lew dalam dakwah saudara baru dan golongan asnaf di Malaysia (Tesis sarjana). Universiti Sains Malaysia. <https://erepo.usm.my/handle/123456789/21361>
- Abd Rahman, S. (2015). Pengaruh media terhadap pemikiran dan jiwa umat Islam. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. <https://www.yadim.com.my/v2/pengaruh-media-terhadap-pemikiran-dan-jiwa-umat-islam/>
- Abdul Kadir, N. A., Zur Raffar, I. N. A., Suyurno, S. S., & Mohd Nor, A. R. (2025). Jati diri belia Muslim Malaysia dalam arus globalisasi: Cabaran dan penyelesaian. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 10(74), 359–371.
- Ahmad Nadzim, N. (2022). Pengaruh qudwah hasanah ibu bapa terhadap akhlak remaja sekolah menengah di Kedah (Tesis doktor falsafah). Universiti Sains Malaysia. <https://erepo.usm.my/handle/123456789/18552>

- Ashaari, M. F., Abdul Ghani, M. Z., Don, A. G., & Aini, Z. (2018). Wasatiyyah ialah keseimbangan dalam beragama bukan kesederhanaan. Dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Pengurusan dan Kepimpinan Islam: Isu dan Cabaran (hlm. 85–101). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Wan Ibrahim, C. W. I. R. (2023, Julai 28). Cabaran misi pembelajaran sepanjang hayat. Dewan Masyarakat. <https://dewanmasyarakat.jendeladbp.my/2023/07/28/15377/>
- Hamdani, S., Mahyuddin, M. K., Sulaiman, M., Abdul Majid, N. S. N., Baharudin, D. F., Omar, M. F. H. M., & Karim, N. K. A. (2023). Pendekatan *tazkiyyah al-nafs* dalam pengukuhan akidah muallaf. *Sains Insani*, 8(2), 1–10.
- Hamka. (1983). Tafsir al-Azhar (Juzuk 13–17). Pustaka Panjimas.
- Hasan, H. M. (2013). Metodologi dan pengembangan ilmu dakwah. Pena Salsabila.
- Hindman, A. H., & Morrison, F. J. (2012). Differential contributions of three parenting dimensions to preschool literacy and social skills in a middle-income sample. *Merrill-Palmer Quarterly*, 58(2), 191–223.
- Ismail, A. M. (2014). Dakwah suatu tuntutan dalam Islam. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ismail, M. M., Ku Samsu, K. H., Lee, Y. F., Yunus, M. M., Kamri, K. A., Mak Din, H. A., Md Nor, M. S., Adnan, Z. H., & Md Yunan, N. S. (2024). Elemen utama dalam pembentukan jati diri kesukarelawanan belia Malaysia. *Sains Insani*, 9(2), 1–12.
- Johori, M. R., et al. (2015). Syarat penerbitan TV patuh syariah: Suatu refleksi. Dalam Proceedings of the 1st National Conference on Communication Research & Exhibition. International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia.
- Katsir, I. (2003). Tafsir Ibnu Katsir (Jil. 2, Cet. ke-2). Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Lidwa Pustaka. (2023). Ensiklopedi Hadits Kitab 9 Imam (Versi atas talian). <http://app.lidwa.com/>
- Mohd Shaffie. (1991). Metodologi penyelidikan (Edisi ke-2). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhzan, N. S., Yahya, S., & Ponnusam, V. (2025). Nilai dan identiti belia berdasarkan Indeks Belia Malaysia (IBM'22). *Jurnal Perspektif*, 17(1), 99–118.
- Nik Abdullah, N. S., Maamor, S., & Abd Wahab, N. (2015). Pembangunan belia dari perspektif pengurusan Islam. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 1(2), 61–76.
- Reis, J., Barbera-Stein, L., & Bennett, S. (1986). Ecological determinants of parenting. *Journal of Family Issues*, 7(4), 347–369.
- Roslan, S. (2024). Isu dan cabaran dunia pendidikan di Malaysia. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schatzman, L., & Strauss, A. L. (1973). Field research: Strategies for a natural sociology. Prentice-Hall.
- Thomas, D. R. (2006). A general inductive approach for analyzing qualitative evaluation data. *American Journal of Evaluation*, 27(2), 237–246.
- Yin, R. K. (2016). Qualitative research from start to finish (2nd ed.). The Guilford Press.
- Zulkepli, M. K. A., & Abd Hamid, M. Z. (2022). Elemen fizikal dan spiritual kisah Ashabul Kahfi: Analisis figura retorika. *Voice of Academia*, 18(2), 164–177.